

SOALAN NO : 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]

TARIKH : 26 MAC 2014

SOALAN :

TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendaftaran pengundi-pengundi yang didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik daripada kalangan ahli-ahli parti politik. Apakah rasional Kerajaan memberhentikan pelantikan semula Penolong Daftar Pemilih untuk menjalankan proses pendaftaran pengundi-pengundi di Malaysia sejak 2013.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaftaran pengundi-pengundi yang didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) Parti Politik sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak 33,098 pemilih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memutuskan bahawa pada masa ini tiada pelantikan baru dibuat setelah tempoh pelantikan sedia ada tamat. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan SPR membuat penyelarasan terhadap pelaksanaan kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada. Walau bagaimanapun, mana-mana Penolong Pendaftar Pemilih yang belum tamat tempoh pelantikannya, mereka masih boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti pendaftaran seperti mana sebelum ini.

Walau bagaimanapun, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kuanter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.